

Bagi tentukan nasib beberapa menteri **MCA: PM akan jumpa pemimpin baru**

80 20 NOV 1989

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini berkata beliau akan mengadakan perbincangan dengan 'rakan-rakannya' dan pemimpin-pemimpin baru MCA sebelum menentukan nasib beberapa menteri MCA yang tidak bertanding dalam pemilihan pusat parti itu minggu lalu.

Menurutnya, perbincangan itu perlu sebelum sebarang keputusan dibuat.

"Melalui perbincangan itu, kita juga boleh mengetahui perasaan pemimpin-pemimpin baru MCA itu," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang pulang dari lawatan sembilan hari ke China, berkata demikian ketika diminta mengulas kedudukan Menteri Buruh, Datuk Mak Hon Kam dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Tan Tiong Hong, yang tidak bertanding dalam pemilihan MCA minggu lalu.

Mengambil kira

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional menegaskan: "Dalam membuat keputusan mengenai kedudukan menteri MCA itu, kita terpaksa mengambil kira banyak hal. Ia tidak boleh diputuskan dengan hanya mengambil kira satu perkara dan mengabaikan perkara yang lain."

Sebagai contoh, katanya, bekas pemimpin Pas, Haji Hassan Adli, pernah menjadi ahli kabinet walaupun beliau dipecat oleh Pas tidak lama dulu.

Sementara itu, bekas Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr Tan Tiong Hong berkata, keputusan pemilihan pusat MCA Ahad lalu sudah lama diduga.

"Tidak ada apa lagi yang hendak saya cakapkan mengenai pemilihan itu," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan meneruskan rancangan untuk membentuk sebuah parti baru, Datuk Dr Tan berkata, beliau tidak pernah mengumumkan sebarang rancangan untuk menubuhkan parti baru.

"Saya akan menemui Datuk Mak bagi membincangkan pelbagai perkembangan terbaharu dalam parti sebelum membuat sebarang ulasan," tambahnya.